



**PERSATUAN SURI dan ANGGOTA WANITA  
PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
(PUSPANITA)**

Rumah Pusanita, JKR 5171, Jalan Hose, 50460 Kuala Lumpur

Tel: 032142 1332, 032145 9425, 0321482625; Fax: 0321442996

Ruj. Tuan :

15 Disember 2008

Ruj. Kami : PNT/P/013SJ.1(53)

**Seperti Senarai Edaran**

Y. Bhg Puan Sri/Datin Sri/Dato'/Datin/Puan,

**SUMBANGAN KEWANGAN TABUNG PUSPADARA PUSPANITA**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan tujuan Tabung PUSPADARA PUSPANITA (TPP) mengikut Undang-Undang Kecil Tabung PUSPADARA PUSPANITA (Pindaan 2008) ditubuhkan adalah seperti berikut:-

- 2.1 memberi bantuan kewangan kepada ahli dan/atau keluarga iaitu suami dan anak-anak yang mengidap barah dan/atau penyakit-penyakit lain seperti senarai yang diluluskan untuk meringankan beban mereka. Keutamaan akan diberikan kepada pesakit barah payudara;
- 2.2 menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan punca, pencegahan dan rawatan bagi penyakit barah payudara serta penyakit-penyakit lain; dan
- 2.3 bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk membantu meningkatkan kemudahan bagi mencegah penyakit ini.

3. Ahli-ahli yang ingin memohon bantuan sumbangan hendaklah melalui Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian atau Negeri dan perlu merujuk kepada Lampiran A - Syarat Permohonan Sumbangan Kewangan Tabung PUSPADARA PUSPANITA dan Lampiran B – Jenis-jenis penyakit yang disenaraikan serta mengisi borang-borang yang dilampirkan seperti berikut:-

- 3.1 Lampiran A - Syarat Permohonan Sumbangan Kewangan Tabung PUSPADARA PUSPANITA.
- 3.2 Lampiran B - Jenis-jenis penyakit yang disenaraikan.

- 3.3 Borang A TPP - Borang Permohonan Sumbangan Kewangan Tabung PUSPADARA PUSPANITA.
- 3.4 Borang B TPP - Borang Permohonan Peruntukan Kewangan Tabung PUSPADARA PUSPANITA Bagi Mengadakan Seminar Penyakit Kanser.

4. Permohonan untuk mengadakan seminar hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Tabung tidak kurang dari dua (2) bulan sebelum tarikh seminar dijalankan.

5. Ceramah/Seminar/Aktiviti yang hendak dijalankan hanya untuk Cawangan Kementerian atau Negeri sahaja. Jika Cawangan Kecil yang ingin melaksanakan, perlu mendapat kelulusan dari PUSPANITA Kementerian atau Negeri dan sumbangan hanya diberi sekali sahaja kepada Kementerian atau Negeri.

6. Permohonan boleh menggunakan salinan borang dan dikemukakan ke alamat berikut:-

**Siti Zabedah binti Ayob**

Setiausaha

Tabung PUSPADARA PUSPANITA

Puspanitapuri

Lot PT 2280-2283, Persiaran Seri Perdana

Presint 10, 65520 Putrajaya.


No. Tel : 03-88869603 (P)/016-6071456

No. Faks : 03-88869759

Sekian, terima kasih.

*'Wanita Sepakat Negara Meningkatkan'*

Yang benar,



.....  
(PUAN SRI HAYATI BINTI OMAR)

Pengerusi

Tabung PUSPADARA PUSPANITA

s.k: Y.Bhg. Puan Sri YDP  
Y.Bhg. Datin SUA  
Bendahari Agung

Fail

## Lampiran A

### **SYARAT PERMOHONAN SUMBANGAN KEWANGAN TABUNG PUSPADARA PUSPANITA**

Syarat-syarat permohonan bagi sumbangan kewangan daripada Tabung PUSPADARA PUSPANITA adalah seperti berikut:-

- i) Pemohon hendaklah terdiri daripada ahli PUSPANITA;
- ii) Ahli keluarga iaitu suami dan anak-anak yang masih di bawah tanggungan ahli yang di bawah umur 21 tahun;
- iii) Mendapat laporan lengkap daripada Pakar Perubatan Hospital Kerajaan atau Swasta mengenai penyakit yang dihadapi;
- iv) Semua permohonan yang lengkap mestilah dikemukakan melalui Cawangan Kementerian/Negeri untuk pengesahan oleh Pengerusi atau Setiausaha sebelum dihantar kepada Urusetia Tabung PUSPADARA PUSPANITA peringkat Kebangsaan;
- v) Jumlah sumbangan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tabung PUSPADARA PUSPANITA; dan
- vi) Sumbangan adalah sekali seumur hidup bagi setiap pesakit (ahli/suami/anak).

**Jenis-jenis penyakit yang disenaraikan:-**

1. Cancer
2. Kidney Failure
3. Paralysis (Paraplegia, Tetraplegia)
4. Total Permanent Blindness
5. Aorta Surgery
6. Major Burns
7. Motor Neurone Disease
8. End Stage Liver Disease
9. Muscular Dystrophy
10. Poliomyelitis
11. Apallic Syndrome
12. Accidental Head Injury Resulting in Major Head Trauma
13. Fulminant Hepatitis
14. Multiple Sclerosis
15. Heart Valve Surgery
16. Loss of Speech
17. Coma
18. HIV Infection From Blood Transfusion
19. End Stage Lung Disease
20. Benign Brain Tumour
21. Brain Surgery
22. AIDS
23. Major Organ Transplant
24. Pulmonary Hypertension
25. Total Permanent Deafness
26. Alzheimer's Disease
27. Terminal illness
28. Parkinson's Disease
29. Aplastic Anaemia
30. Encephalitis
31. Bacterial Meningitis